

31 JAN 1999

Thaipusam-Cuti

MASYARAKAT INDIA MINTA THAIPUSAM DIJADIKAN CUTI AM

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Kuil Sri Maha Mariamman hari ini menyampaikan memorandum meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan sambutan Hari Thaipusam cuti am di seluruh negara.

Memorandum itu disampaikan melalui Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu ketika beliau menghadiri sambutan Thaipusam di Batu Caves, dekat sini hari ini.

Samy Vellu pada satu persidangan media berkata, perkara itu sudah dibangkitkan kepada Dr Mahathir beberapa kali sebelum ini.

"Tetapi apa yang kita dapat daripada jawapan, kerajaan minta kita cuba dahulu dengan beberapa negeri yang belum dapat hari cuti am pada hari tersebut.

"Kita sedang berhubung dengan kerajaan negeri untuk dapat hari cuti untuk Thaipusam. Saya percaya jika kita dapat cuti daripada negeri-negeri, kita boleh memohon kepada kerajaan pusat untuk mendapatkan cuti am," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mencuba untuk mendapatkan cuti am untuk negeri Malaka, Pahang dan Kedah terlebih dahulu.

Samy Vellu berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Menteri dan Menteri Besar negeri-negeri terbabit dengan menjelaskan apa kepentingan perayaan itu dan memohon mereka untuk mendapatkan cuti am bagi negeri terbabit.

Setakat ini hanya ada lima negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor yang menjadikan sambutan Thaipusam sebagai cuti am.

Mengenai keadaan kemudahan di Batu Caves, Samy Vellu berkata, banyak pembaharuan dan pembangunan infrastruktur telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memudahkan dan menarik lebih banyak penganut agama Hindu pergi ke situ untuk bersembahyang.

-- BERNAMA

APG AKD